

HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU  
DENGAN PENGGUNAAN MULTIMEDIA  
DALAM PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN DI  
SEKOLAH RENDAH

SHANGARI A/P SANDRAND

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU DENGAN PENGGUNAAN  
MULTIMEDIA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
DI SEKOLAH RENDAH

SHANGARI A/P SANDRAND



LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)  
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

|   |
|---|
| ✓ |
|   |
|   |
|   |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 7 Jun 2022.

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, SHANGARI A/P SANDRAND, M20201000191, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa laporan kertas projek yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU DENGAN PENGGUNAAN MULTIMEDIA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH RENDAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA. DR NORAZILAWATI ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU DENGAN PENGGUNAAN MULTIMEDIA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH RENDAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

07/06/2022

Tarikh

Assoc. Prof. Dr. Norazilawati Abdullah  
Deputy Director  
National Child Development Research Centre (NCDRC)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia

## PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada tuhan kerana telah memberikan kekuatan dan kesihatan sepanjang menyiapkan kertas projek ini sehingga selesai. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Prof Madya Dr Norazilawati Abdullah sebagai penyelia saya yang banyak membimbing saya dalam menyiapkan kertas projek ini. Seterusnya, saya ingin berterima kasih kepada semua pensyarah program Pendidikan Sekolah Rendah, Fakulti pembangunan Manusia, UPSI yang memberi ilmu kepada saya dengan tunjuk ajar dalam menyempurnakan kertas projek ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara dan Guru besar sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada semua ahli keluarga saya yang banyak memberi semangat selam dua tahun ini. Akhir kata, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan dan cadangan dalam menyiapkan kertas projek ini. Semoga kertas projek ini dapat berguna untuk generasi akan datang.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kesediaan guru dengan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah. Seramai 244 orang guru di enam buah sekolah rendah di Daerah Kinta Utara, Bandaraya Ipoh, Perak, menyertai kajian ini. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Pengkaji telah membina tiga bahagian dalam soal selidik ini iaitu bahagian A, B dan C. Instrumen kajian ini adalah soal selidik yang telah diuji kesahannnya dengan nilai Alpha Cronbach 0.762. Pengkaji menggunakan korelasi Spearman bagi menguji hipotesis. Perisian SPSS versi 26 telah digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data. Hasil dapatan kajian analisis deskriptif mendapati tahap kesediaan guru nilai min 4.22 dan berada di tahap tinggi. Tahap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah berada pada tahap tinggi iaitu min 4.48. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesediaan guru dengan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah iaitu dengan nilai signifikan 0.00 iaitu kurang daripada 0.01 ( $p < 0.01$ ) dan hipotesis diterima. Implikasi kajian ini membantu pihak yang berkepentingan mengenal pasti kemahiran guru dalam menggunakan multimedia kerana kebanyakan guru berkebolehan membangunkan perisian multimedia. Multimedia dalam pendidikan menjimatkan masa guru-guru dengan menghiburkan murid-murid. Seminar dan latihan perlu diadakan dalam kalangan guru-guru bagi menggalakkan penggunaan multimedia di sekolah rendah.

## **THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHER READINESS AND THE USE OF MULTIMEDIA IN TEACHING AND LEARNING IN PRIMARY SCHOOLS.**

### **ABSTRACT**

This study aims to identify the relationship between teacher readiness and the use of multimedia in teaching and learning in primary schools. The study involved 244 teachers in six primary schools in North Kinta district in the city of Ipoh, Perak. This study approach is quantitative with a correlation study design. The researcher has constructed three sections in this questionnaire, parts A, B and C. The research instrument is a questionnaire that has been tested for validity with a Cronbach's Alpha value of 0.762. Researcher used Spearman correlation to test the hypothesis and SPSS version 26 software used in this study to analyze data. The results of the descriptive analysis study found the level of readiness of teachers as a mean value of 4.22 and was at a high level. The level of multimedia use in teaching and learning in primary schools is at a high level of 4.48 min. Correlation analysis showed that there was a significant positive relationship between teacher readiness and the use of multimedia in teaching and learning in primary schools with a significant value of 0.00 which was less than 0.01 ( $p < 0.01$ ) and the hypothesis was accepted. The implications of this study help interested parties identify teachers' skills in using multimedia because most teachers are capable of developing multimedia software. Multimedia in education saves teacher's time by entertaining students. Seminars and training should be held for teachers to encourage the use of multimedia in primary schools.

## KANDUNGAN

|                          |                         |
|--------------------------|-------------------------|
| <b>PENGAKUAN</b>         | ii                      |
| <b>BORANG PENGESAHAN</b> | iii                     |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | iv                      |
| <b>ABSTRAK</b>           | v                       |
| <b>ABSTRACT</b>          | vi                      |
| <b>KANDUNGAN</b>         | x                       |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | xi                      |
| <b>SENARAI RAJAH</b>     | xii                     |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | xiii                    |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>  | xiv                     |
| <b>BAB 1</b>             |                         |
| <b>PENGENALAN</b>        | 1                       |
| 1.1                      | Pendahuluan 1           |
| 1.2                      | Latar belakang Kajian 3 |
| 1.3                      | Pernyataan Masalah 5    |
| 1.4                      | Objektif Kajian 7       |
| 1.5                      | Persoalan Kajian 7      |
| 1.6                      | Hipotesis Kajian 8      |
| 1.7                      | Kerangka Konseptual 8   |

|              |                                                         |    |
|--------------|---------------------------------------------------------|----|
| 1.8          | Kepentingan Kajian                                      | 9  |
| 1.9          | Batasan Kajian                                          | 11 |
| 1.10         | Definisi Operasional                                    | 11 |
| 1.10.1       | Kesediaan Guru                                          | 12 |
| 1.10.2       | Persepsi                                                | 12 |
| 1.10.3       | Kemahiran                                               | 13 |
| 1.10.4       | Multimedia                                              | 13 |
| 1.10.5       | Pengajaran                                              | 14 |
| 1.10.6       | Pembelajaran                                            | 14 |
| 1.11         | Penutup                                                 | 15 |
| <b>BAB 2</b> | <b>KAJIAN LITERATUR</b>                                 | 17 |
| 2.1          | Pendahuluan                                             | 17 |
| 2.2          | Kesediaan Guru Menggunakan Multimedia                   | 18 |
| 2.3          | Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran | 25 |
| 2.4          | Pendekatan Teori                                        | 30 |
| 2.4.1        | Teori Kognitif Multimedia Pembelajaran                  | 30 |
| 2.5          | Penutup                                                 | 31 |
| <b>BAB 3</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                                | 33 |
| 3.1          | Pendahuluan                                             | 33 |
| 3.2          | Reka Bentuk Kajian                                      | 34 |
| 3.3          | Populasi dan Sampel                                     | 34 |
| 3.4          | Instrumen Kajian                                        | 36 |
| 3.5          | Kajian Rintis                                           | 38 |



|              |                                                                                                                 |    |
|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.6          | Prosedur Pengumpulan Data                                                                                       | 39 |
| 3.7          | Kaedah Analisis Data                                                                                            | 41 |
| 3.8          | Penutup                                                                                                         | 43 |
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                                                                           | 44 |
| 4.1          | Pendahuluan                                                                                                     | 44 |
| 4.2          | Latar Belakang Kajian                                                                                           | 46 |
| 4.3          | Analisis Statistik Deskriptif                                                                                   | 53 |
| 4.4          | Tahap Kesediaan guru menggunakan multimedia                                                                     | 53 |
| 4.4.1        | Tahap Kesediaan guru daripada aspek persepsi                                                                    | 54 |
| 4.4.2        | Tahap kesediaan guru daripada aspek kemahiran                                                                   | 57 |
| 4.5          | Tahap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran di sekolah rendah                                 | 59 |
| 4.6          | Ujian Normaliti                                                                                                 | 61 |
| 4.7          | Hubungan antara Kesediaan guru dengan Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah rendah | 63 |
| 4.8          | Penutup                                                                                                         | 65 |
| <b>BAB 5</b> | <b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN</b>                                                                       | 66 |
| 5.1          | Pendahuluan                                                                                                     | 66 |
| 5.2          | Perbincangan Kajian                                                                                             | 67 |
| 5.2.1        | Tahap Kesediaan Guru Menggunakan Multimedia                                                                     | 67 |
| 5.2.2        | Tahap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Rendah                                 | 70 |
| 5.2.3        | Hubungan Antara Kesediaan Guru Dengan Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Rendah | 71 |
| 5.3          | Implikasi Kajian                                                                                                | 72 |

|     |                          |    |
|-----|--------------------------|----|
| 5.4 | Cadangan Kajian          | 75 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 77 |
| 5.6 | Penutup                  | 78 |

|                 |    |
|-----------------|----|
| <b>RUJUKAN</b>  | 79 |
| <b>LAMPIRAN</b> | 90 |

**SENARAI JADUAL**

| <b>No. Jadual</b> |                                                                      | <b>Muka Surat</b> |
|-------------------|----------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 3.1               | Nilai Skala Likert                                                   | 37                |
| 3.2               | Senarai Item Borang Soal Selidik                                     | 38                |
| 3.3               | Kaedah Analisis Data                                                 | 43                |
| 4.1               | Analisis Jantina                                                     | 47                |
| 4.2               | Analisis Umur                                                        | 48                |
| 4.3               | Analisis Taraf Pendidikan                                            | 49                |
| 4.4               | Analisis Pengalaman Kerja                                            | 50                |
| 4.5               | Analisis Jenis Sekolah Berkhidmat                                    | 51                |
| 4.6               | Analisis Pemilikan Komputer                                          | 52                |
| 4.7               | Analisis Tahap Kesediaan Guru                                        | 54                |
| 4.8               | Analisis Tahap Kesediaan guru daripada Aspek Persepsi                | 56                |
| 4.9               | Analisis Tahap Kesediaan Guru daripada Aspek Kemahiran               | 58                |
| 4.10              | Tahap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran        | 60                |
| 4.11              | Analisis Ujian Normaliti                                             | 61                |
| 4.12              | Analisis Hubungan Antara Kesediaan Guru Dengan Penggunaan Multimedia | 63                |



## SENARAI RAJAH

| No.Rajah |                                      | Muka Surat |
|----------|--------------------------------------|------------|
| 1.1      | Kerangka Konseptual Kajian           | 9          |
| 4.1      | Graf Normaliti Penggunaan Multimedia | 62         |
| 4.2      | Graf Normaliti Kesediaan Guru        | 63         |

## SENARAI SINGKATAN

|      |                                                                             |
|------|-----------------------------------------------------------------------------|
| BBM  | Bahan Bantu Mengajar                                                        |
| EPRD | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Malaysia |
| ICT  | <i>Information and Communication Technology</i>                             |
| JPN  | Jabatan Pendidikan Negeri                                                   |
| KPM  | Kementerian Pendidikan Malaysia                                             |
| LCD  | <i>Liquid Crystal Display</i>                                               |
| PdP  | Pengajaran dan Pembelajaran                                                 |
| PPD  | Pejabat Pendidikan Daerah                                                   |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia                                       |
| SJKC | Sekolah Jenis Kebangsaan Cina                                               |
| SJKT | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil                                              |
| SK   | Sekolah Kebangsaan                                                          |
| SPSS | Statistical Package for the Social Science                                  |

## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Pelajar
- B Surat kebenaran Menjalankan Kajian
- C Surat Kebenaran ERPD
- D Surat Kebenaran JPN Perak
- E Surat Kebenaran PPD Kinta Utara
- F Analisis Dapatan Output SPSS
- G Borang Soal Selidik

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kaedah pengajaran yang kreatif dan menyeronokkan berasaskan teknologi ialah cara utama untuk melibatkan murid-murid dalam proses pengajaran sekolah rendah pada abad ke-21. Kandungan proses pengajaran dan pembelajaran perlu diubah mengikut kehendak pedagogi (Che Ibrahim et al. 2021). Guru harus lebih mahir mengambil kesempatan dengan mempelbagaikan teknologi pengajaran yang menggabungkan komponen multimedia seperti animasi, audio, grafik dan video bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang merangsangkan minda murid-murid. Kaedah pengajaran ini dapat membantu melahirkan generasi yang bijak yang bakal memimpin negara pada masa hadapan.

Penggunaan Teknologi sebagai alat pengajaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bermanfaat untuk meningkatkan taraf pengajaran di sekolah rendah (Noorazman Abd Samad et al. 2018). Kewajipan penggunaan multimedia terhadap pedagogi di bilik darjah yang mewakili trend baharu dalam sistem pendidikan. Kejayaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pada abad ke-21 bergantung terhadap penggunaan multimedia dan teknologi (Nuradira Abdul Wahabet al. 2020).

Menurut Che Soh Said (2015), kepentingan terhadap penggunaan pelbagai media seperti ayat, audio, grafik, video dan animasi yang menarik semakin maju dalam pendidikan di sekolah rendah. Sebagai langkah melahirkan murid-murid yang bersikap positif dan berkesan, kesanggupan menyesuaikan diri dan mempertimbangkan cara yang amat baik menjadi tanggungjawab guru. Menurut Siti Zulaidah (2017), bagi menarik minat murid-murid penggunaan kaedah dan alat pengajaran yang baru oleh guru perlu diberi perhatian. Keupayaan guru menggunakan teknologi ialah cara yang berkesan untuk memenuhi minat murid-murid dengan menggunakan peranti mesra pengguna dan alat komunikasi.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Terdapat beberapa aspirasi sistem pendidikan dan murid-murid diperkenalkan oleh KPM iaitu teknologi berkreaitif digital diperkenalkan bagi mempercepatkan pembangunan dalam sistem pendidikan dalam Pelan Transformasi ICT Kementerian Pendidikan Malaysia (PPPM 2019-2023). Pengalaman penggunaan teknologi yang berinovatif amat penting dalam pendidikan abad ke-21. Selain itu, beban guru juga bertambah kerana perlu membiasakan diri mereka dalam kaedah pengajaran baharu seperti pengajaran secara dalam talian dengan menggunakan teknologi memerlukan kemahiran mengendalikan pelbagai aplikasi pendidikan dalam talian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kefahaman guru terhadap penggunaan literasi dan teknologi amat penting dalam dunia pendidikan zaman ini yang dinyatakan dalam Berita Harian pada 15 Mei 2020. Menurut Berita Harian (2020), kenyataan seorang guru bahawa suasana PdP berbeza dalam tempoh PKP. Beliau menyatakan bahawa penggunaan aplikasi pengajaran seperti, “*Google Meet*”, “*Zoom Cloud Meeting*” dan juga “*Google Classroom*” merupakan kaedah baharu dalam sistem pengajaran. Beliau juga menyatakan bahawa hal ini membebaskan segelintir guru-guru sekolah kerana terdapat juga guru yang belum lagi mempunyai kemahiran menggunakan teknologi dalam pengajaran.

Kaedah pengajaran tradisional dianggap kurang relevan dengan keperluan murid-murid masa kini. Teknik pengajaran tradisional hanya berpusatkan guru

manakala teknik pengajaran penggunaan multimedia dan teknologi pula berpusatkan murid-murid. Guru hendaklah menggunakan alat bantu mengajar multimedia untuk merangsang pemikiran murid tentang PdP (Abdul Rasid Jamian, 2012). Menurut Abdul Talib et al. (2019), penggunaan multimedia memberi sumbangan kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan. Menurut Putra (2018), multimedia dalam pengajaran merupakan gabungan teknologi moden dengan alat pengajaran dengan menggunakan komponen multimedia.

Menurut Said (2015), penggunaan alat pengajaran yang berasaskan komponen multimedia bagi menghasilkan aplikasi permainan pendidikan dapat meningkatkan prestasi murid-murid (Khairuddin & Mailok, 2020). Aplikasi permainan pendidikan yang diperkenalkan oleh guru berasaskan multimedia dapat memupuk kaedah pembelajaran secara kumpulan atau individu dalam kalangan murid-murid. Menurut Zaibon (2015), penggunaan multimedia animasi dalam pengajaran adalah menyeronokkan dan tidak membosankan kerana ia membantu murid-murid dengan membentuk pembelajaran aktif dalam talian.

Menurut Che Soh Said (2015), kepentingan penggunaan gambar rajah digital dalam mata pelajaran seperti sains yang membantu memudahkan proses pengajaran yang tidak dapat ditunjukkan dalam buku teks melalui kaedah pengajaran tradisional. Murid-murid harus diberi motivasi dengan mengajar semua mata pelajaran di sekolah rendah menggunakan komponen dalam multimedia kerana membantu murid-murid

menumpukan perhatian dalam bilik darjah (Nancy Anak Numbang & Zamri Mahamod, 2017)

Kajian lepas banyak berfokuskan kesediaan guru menggunakan ICT dalam pengajaran mereka tetapi kajian ini dapat memperincikan daripada segi hubungan kesediaan guru daripada segi tahap persepsi guru dan kemahiran guru dengan tahap penggunaan multimedia dalam PdP di sekolah rendah. Guru harus mempunyai keyakinan diri dan kreativiti memperkenalkan pelbagai teknik pengajaran kepada murid-murid.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan internet dengan multimedia meningkatkan kadar pemprosesan maklumat diakses dengan mudah dan cepat dalam pelbagai bentuk dan pendekatan (Che Ibrahim et al., 2021). Menurut Mazihah Othman (2013), kaedah berpusatkan guru menggunakan pendekatan “*chalk and talk*” masih digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah rendah. Menurut Noorazman Abd Samad et. al. (2018), murid- murid yang berfikiran kreatif, kritis dan imaginatif untuk membuat keputusan yang lebih baik terhadap sesuatu masalah tidak dapat melahirkan melalui kaedah pengajaran tradisional.

Menurut kajian lepas, terdapat guru yang masih mempunyai cabaran terhadap penggunaan multimedia dalam PdP. Menurut Abdul Rahman et al. (2018) Tahap pengetahuan guru dalam menggunakan komponen multimedia ialah sederhana tinggi. Pengkaji menyatakan bahawa walaupun penggunaan multimedia bermula digunakan di semua sekolah rendah namun pengetahuan guru terhadap penggunaan multimedia amat terhad kerana guru kurang pengetahuan dalam menjadikan multimedia menarik minat murid-murid. Pada masa kini, cabaran guru-guru sekolah rendah dalam norma baharu terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah guru-guru lebih berminat menggunakan kaedah PdP bersemuka kerana tidak banyak mempunyai pengetahuan tentang penggunaan teknologi untuk mempelbagaikan corak pelaksanaan PdP dalam talian melalui “Google Meet” (Ugarthini Magesvaran, 2021).

Penggunaan teknologi canggih dalam pendidikan semakin meningkat yang guru perlu bersedia untuk menerima perubahan dan menaik taraf pengetahuan mereka. Terdapat pelbagai elemen multimedia seperti animasi, bunyi, gambar yang boleh disentuh dalam papan putih digital yang hampir digunakan di semua sekolah rendah. Alat digital berunsur multimedia yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran iaitu Google Jamboard, Wakelet, Wordwall dan sebagainya (Melvina, 2021). Menurut Chau et.al., (2020), guru-guru menghadapi masalah menggunakan papan putih pintar di dalam bilik darjah kerana tidak mencukupi latihan bagi mengendalikan teknologi.



Peratusan tinggi guru-guru yang masih menggunakan buku teks dan penggunaan bahan bantu mengajar seperti animasi, animasi bercetak, drama dan filem berada dalam peratusan yang terendah dalam pengajaran sejarah (Muhammad Zulfiqar & Anuar Ahmad, 2021). Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kepentingan multimedia dalam sistem pendidikan dalam pengajaran di sekolah rendah. Pelajaran berkesan melahirkan murid-murid yang mempunyai pengetahuan yang luas dan kecekapan teknologi. Guru perlu berusaha menggunakan kreativiti yang lebih tinggi untuk menarik minat dan keseronokan murid terus mengikuti pengajarannya. Gaya pengajaran guru perlu memberi keseronokan dan menarik perhatian serta tumpuan murid. Cabaran sebagai guru dalam menangani situasi yang membosankan semasa menyampaikan ilmu kepada murid-murid yang dinyatakan dalam Berita Harian pada 23 Februari 2021. Menurut Hanifah Mahat et. al. (2020), langkah penting dalam menyampaikan ilmu yang berkesan adalah dengan melakukan perubahan dalam kaedah pengajaran guru serta strategi pendidikan menggunakan bahan pengajaran. Secara keseluruhannya, tujuan utama kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kesediaan guru dengan penggunaan multimedia dalam PdP di sekolah rendah.



## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai beberapa objektif di bawah:

1. Mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.
2. Mengenal pasti tahap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.
3. Mengenal pasti hubungan antara tahap kesediaan guru dengan tahap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.

## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap kesediaan guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.
2. Apakah tahap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.

3. Adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan guru dengan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.


## 1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis seperti berikut:

$H_{a1}$ : Terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dengan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.

## 1.7 Kerangka Konseptual

Rangka konsep kajian ini dibentuk dengan menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada kesediaan guru daripada aspek persepsi dan kemahiran. Pemboleh ubah bersandar terdiri daripada penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.



*Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian*

## 1.8 Kepentingan Kajian

Sumbangan kajian ini kepada beberapa pihak yang penting seperti guru, murid-murid, pihak sekolah, KPM, JPN dan PPD dalam menggunakan multimedia dalam pembelajaran dan pengajaran. Guru yang mahir menggunakan teknologi boleh menangani masalah pengkonsepan dalam bilik darjah dan menyediakan pemulihan dan pengayaan kepada murid-murid yang memerlukan menggunakan perisian multimedia.

Kajian ini membantu memberi kesedaran tentang hubungan kesediaan guru dengan penggunaan multimedia akan membantu mendidik murid-murid daripada keciciran terutama semasa pandemik. Penggunaan multimedia seperti video pengajaran dapat meningkatkan kefahaman murid-murid tentang sesuatu topik. Guru- guru tidak perlu hanya bergantung pada buku teks malah mengintegrasikan pelbagai



media seperti gambar animasi, bunyi dan grafik dapat menambah minat murid-murid dan kefahaman murid-murid terutama murid-murid yang lemah. Kesyediaan guru untuk mengubah kaedah pengajaran dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan menggunakan multimedia. Penggunaan kaedah pengajaran baru seperti kuiz multimedia, atau permainan pembelajaran multimedia dalam bilik darjah dapat meningkatkan motivasi murid-murid.

Penggunaan multimedia menggalakkan pembelajaran secara individu dan memupuk sikap berdikari dalam menerokai ilmu. Masa depan murid-murid bergantung pada kesyediaan guru-guru sekolah rendah dalam penggunaan multimedia dengan menggunakan kreativiti guru dalam PdP. Pihak sekolah perlu menggalakkan guru-guru menggunakan alat pengajaran multimedia dalam PdP di sekolah rendah.

Hasil kajian ini juga boleh menjadikan rujukan KPM, JPN dan PPD terhadap pengajaran di semua sekolah rendah dengan menambah baik tahap penggunaan multimedia dalam PdP terutama mata pelajaran teras yang dapat meningkatkan prestasi akademik dan juga kefahaman murid-murid. Kesyediaan guru sekolah rendah dalam menguasai elemen multimedia seperti video pengajaran, nota yang menarik, grafik dan gambar animasi perlu berada pada tahap tinggi dalam PdP. Selain itu, sumbangan kajian kepada KPM, JPN dan PPD membantu mengenal pasti persepsi guru dan kemahiran guru menggunakan multimedia dalam PdP. Pihak KPM dapat menyediakan bengkel bagi meningkatkan kemahiran guru dalam penggunaan multimedia di sekolah rendah.

## **1.9 Batasan Kajian**

Bab ini pengkaji membincangkan halangan dan batasan yang dihadapi semasa menjalankan kajian. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru sekolah rendah. Kedua, lokasi kajian hanya dijalankan di daerah Kinta Utara negeri Ipoh, Perak sahaja. Ketiga, pengkaji menghadapi kekangan masa kerana kertas projek ini perlumenyiapkan dalam tempoh tiga bulan dengan pengumpulan data yang mengambil masa yang lama. Kajian ini juga hanya melibatkan enam buah sekolah rendah di Ipoh, Perak. Walau bagaimanapun, kejujuran maklum balas daripada semua respondent terhadap dapatan kajian ini juga amat penting.

## **1.10 Definisi Operasional**

Terdapat beberapa definisi operasional dalam kajian ini disenaraikan di bawah dengan penerangan maksud secara terperinci daripada kajian literatur.

### **1.10.1 Kesediaan Guru**

Menurut Ismail Zain (2012), proses gabungan kognitif, fizikal dan emosi dalam seseorang individu semasa melakukan sesuatu kerja bermaksud persediaan. Menurut Mok Soon Sang (2008), pembahagian maksud kesediaan daripada segi kesediaan kognitif, kesediaan emosi dan kesediaan fizikal yang membantu manusia untuk membuat persediaan melakukan aktiviti pengajaran. Kesediaan guru merujuk kepada kesediaan guru menggunakan multimedia dalam kajian ini.

### **1.10.2 Persepsi**

Menurut Fadila & Lestari (2013), persepsi ialah penghasilan makna melalui pancaindera bagi memilih, menyusun dan mentafsir maklumat. Menurut Slameto (2010), perkaitan kefahaman sesuatu pengetahuan dalam mental manusia dengan persekitaran melalui pancaindera seperti melihat, merasa, mendengar dan menyentuh juga bermaksud persepsi. Menurut Robbins (2003), bagi memperoleh makna, seseorang individu menggunakan pandangan terhadap sesuatu situasi melaluipancaindera dengan menganalisis, mentafsir, dan menilai bermaksud persepsi. Persepsi merujuk kepada persepsi guru menggunakan multimedia dalam kajian ini.

### 1.10.3 Kemahiran

Kemahiran mengajar merupakan kaedah atau teknik yang digunakan untuk mencapai objektif pengajaran. Menurut Mohd Salleh (2008), strategi pengajaran yang berkesan perlu diamalkan oleh semua guru dalam proses PdP secara sistematik, terancang dan teratur. Pembelajaran yang berlandaskan abad ke-21 ini memerlukan guru mempunyai perancangan yang rapi sebelum masuk ke kelas. Menurut Townsend (2011) dalam proses pengajaran dan pembelajaran persediaan, pelaksanaan dan penilaian ialah komponen-komponen penting yang akan menentukan tahap profesional keguruan. Kemahiran yang bermaksud kemahiran guru dalam menggunakan multimedia merupakan fokus kajian ini.

### 1.10.4 Multimedia

Menurut Zainiyati (2017), dalam mencapai objektif pembelajaran multimedia dalam pendidikan diperkenalkan dengan gabungan peralatan seperti teks, video, gambar, dan juga audio. Menurut Putra (2018), multimedia merupakan penggunaan teknologi canggih menerusi aplikasi seperti penggunaan alat pengajaran dengan gabungan bahagian multimedia. Menurut Muidiyana & Ari Fajria (2019), multimedia merupakan hasil gabungan teks, bunyi, imej, warna, animasi dan video dengan alat dan pautan yang berupaya menyampaikan maklumat kepada pengguna. Dalam kajian

ini, multimedia digunakan bagi meneroka tahap kesediaan guru sekolah rendah menggunakan multimedia dalam PdP.

### 1.10.5 Pengajaran

Perancangan aktiviti secara tersusun dan mendalam bagi memotivasikan murid-murid untuk belajar dengan menggunakan pendekatan yang sesuai bagi memberi pendidikan dengan menguasai kemahiran didefinisikan sebagai pengajaran. Menurut Ee Ah Meng (1989) menyatakan bahawa pengajaran bermaksud aktiviti yang menyebabkan perubahan kelakuan murid-murid.

### 1.10.6 Pembelajaran

Proses penerimaan maklumat atau kebolehan maksud pembelajaran. Dalam kajian *The Condition of Learning* mendefinisikan pembelajaran bermaksud perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan (Robert M. Gagne, 1970). Pembentukan perkaitan baru atau kemampuan menghasilkan implikasi dengan

transformasi yang berlaku kepada seseorang individu secara dalaman bermaksud pembelajaran (Woolfolk, 1980).

### 1.11 Penutup

Bab ini telah membincangkan pengenalan dan kepentingan kajian ini. Kepentingan penggunaan multimedia dalam bidang akademik terutama di sekolah rendah. Latar belakang kajian ini berkenaan kaedah pengajaran guru dengan penggunaan multimedia banyak dibuktikan dapat meningkatkan pencapaian murid-murid melalui kajian lepas.

Terdapat beberapa orang guru yang masih belum menguasai multimedia dalam pengajaran mereka. Kajian ini dijalankan bagi meninjau hubungan tahap kesediaan guru dengan penggunaan multimedia dalam PdP. Kepentingan penggunaan multimedia bukan sahaja tujuan hiburan dalam kelas malah meningkatkan pemahaman murid tentang sesuatu topik yang sukar difahami. Guru-guru sekolah rendah dapat mengubah teknik pengajaran mereka dan menyedari kepentingan multimedia dalam pengajaran mereka.



Hubungan tahap kesediaan guru dengan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan objektif utama dalam kajian ini namun kesediaan guru terbahagi kepada dua iaitu persepsi dan kemahiran guru dalam menggunakan multimedia. Kaedah pengajaran guru perlu sesuai dengan murid-murid zaman sekarang dan guru perlu bersedia menggunakan teknik baharu dan menarik dalam pengajaran mereka.

